

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK214 – Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

- 2 -

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. "Teks sastera klasik merupakan karya Agung milik bangsa Melayu. Karya Agung merupakan karya yang mampu mencetuskan bentuk dan gaya bahasa yang luar biasa. Mempunyai unsur pemikiran langkau, sistem nilai dan kepercayaan, falsafah atau pandangan hidup bangsa Melayu turun temurun, (Yayasan Karyawan, 2008)".

Berdasarkan pernyataan ini jelaskan ciri-ciri khusus karya Agung bangsa Melayu.

(25 markah)

2. Berdasarkan lampiran A dan B yang diberi, sejauhmanakah konsep waad dan waadat serta wasiat dipatuhi oleh pihak raja dan rakyat.

(25 markah)

3. Konflik dalam teks *Hikayat Patani* bermula dengan perbuatan rajanya iaitu Raja Phya Tu Naqpa yang telah memungkiri janji untuk memeluk agama Islam jika penyakit yang dihadapi olehnya sembah. Sejauhmanakah faktor mungkir janji menjadi petanda awal bermulanya konflik yang berlaku dalam istana Patani dan akhirnya meruntuhkan kerajaan tersebut.

(25 markah)

4. "Tujuan *Hikayat Merong Mahawangsa* ini dikarang dinyatakan secara jelas dalam mukadimah teks. Di samping itu, penulisan dalam teks sastera sejarah ini juga digunakan sebagai dokumen yang mengabsahkan hak dan kuasa raja ke atas wilayah yang diperintahnya" (Siti Hawa Haji Salleh, 1992).

Bincangkan pandangan ini dengan mengaitkan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam teks *Hikayat Merong Mahawangsa*.

(25 markah)

...3/-

SULIT

- 3 -

5. Huraikan ciri-ciri etnosentrisme yang terdapat dalam teks *Syair Perang Menteng*.

(25 markah)

6. Analisiskan unsur-unsur nasihat dan peringatan yang terdapat dalam *Syair Rakis* karya Pengiran Syahbandar.

(25 markah)

Permulaan waad dan wadat antara Seri Teri Buana mewakili golongan raja, manakala Demang Lebar Daun pula mewakili golongan rakyat;

“Barang maklum duli tuanku yang Maha Mulia, jikalau anak patik telah terambil ke bawah dalam duli jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ke bawah duli tuanku itu, jikalau ada ampun kurnia duli yang Maha Mulia, janganlah tuanku keluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur yang Maha Mulia, dan menyapu sampah di bawah peraduan duli tuanku”
Jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya tiada diikat dan tiada digantung, Difadihatkan dengan kata-kata yang keji hingga sampai hukum mati, dibunuuhnya

Maka titah Seri Teri Buana, “Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman”. Maka Sembah Demang Lebar Daun. “Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia.” Maka titah Seri Teri Buana. **“Hendaklah oleh segala cucu hamba jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga”**

Maka sembah Demang Lebar Daun, **Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku**”. Maka titah Seri Teri Buana, “Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu”. Maka baginda pun bersumpah-sumpahlah dengan Demang Lebar Daun.

Titah baginda. **“Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah kaki ke atas”**. Maka sembah Demang Lebar Daun jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya”.

(*Sulalatus Salatin*, 1979:24).

...5/-

Wasiat pertama

Wasiat Sultan Maliku'l-Saleh kepada Sultan Maliku'l-Mansur dan Sultan Maliku'l-Mahmud;

"Hai cucuku berdua! Sepeninggalan ini baik-baik laku cucuda berdua memelihara pekerjaana-amru bi'lma'rufi wa'l-nahyi 'ani'l-munkar. Sebermula jangan kamu banyak tamak akan harta dunia, kerana dunia ini tempat segala yang masyhur dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat, **dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu; jangan sekali-kali bersalahan antara kamu berdua bersaudara** supaya di kararkan Allah taala kamu berdua dalam kerajaan dan supaya diperkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebijikan dan jangan kamu melalui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu dan segeralah kamu mengejakan pekerjaan yang kebijikan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruh segala orang berbuat kebijikan dan melarangkan segala orang berbuat kejahatan serta dengan adil kamu berdua bersaudara akan segala rakyat kamu itu. **Hubaya-hubaya jangan tiada kamu turut wasiatku ini, hai cucuku berdua"**

(*Hikayat Raja-raja Pasai*, 2004:41-42).

Wasiat kedua

Wasiat ini juga diulang oleh Sultan Maliku'l-Mahmud kepada anaknya iaitu Sultan Ahmad Perumadal Perumal;

"Hai anakku, cahaya mataku dan buah hatiku, baik-baik engkau memelihara dalam kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amarullah dan amru rasulillah dan menegahkan segala larangan keduanya, dan janganlah lalui seperti firman Allah taala dan seperti sabda nabi Muhammad s.a.w,
hai anakku, jangan engkau tiada turut pesanku ini; dan jikalau pada sesuatu pekerjaan hendaklah kamu musyawarah dengan segala menterimu yang tua-tua dan
jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah musyawarah dengan segala menteri hulubalang-hulubalangmu, maka engkau kerjakan. Dan, perbanyak olehmu syarak pada segala pekerjaan yang tiada patut pada syarak **dan jangan engkau menganiayai dan membinasakan segala hamba Allah taala tiada dengan sebenarnya** dan jangan engkau melalui al-amru bi 'Ima 'rufi wal 'I-nahyu 'ani 'I-munkar, hai anakku, kerana dunia ini negeri yang fana tiada akan kekal adanya, dan akhirat juga negeri yang baqa, **hai anakku hubaya jangan tiada kau turut wasiatku ini**"

(*Hikayat Raja-raja Pasai*, 2004:41-57).

-oooOoo-